

**PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) TAHUN 2022
MENGENAI AKTIVITI JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI SABAH**

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku LKAN Tahun 2022 mengenai Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah. LKAN ini melaporkan lima tajuk pengauditan, iaitu tiga tajuk di bawah pengauditan prestasi mengenai aktiviti jabatan serta dua tajuk di bawah pengurusan syarikat kerajaan negeri Sabah.

1.1. Pengauditan Aktiviti Jabatan

**a. Pengurusan Pemberimilikan Tanah Kerajaan Negeri Sabah
[Luas Geran Tanah Telah Didaftarkan 2.7 juta hektar (ha) di Sabah]**

Pengauditan prestasi yang dilaksanakan melibatkan Jabatan Tanah dan Ukar (JTU) Negeri Sabah. Pengauditan ini melaporkan aspek pencapaian output, pencapaian keberhasilan dan pengurusan program seperti berikut:

i. Pencapaian Output

- Berdasarkan Buku Pendaftaran Geran dan laporan Land Title Information System (LTIS), bagi tahun 2020 hingga 2022 sebanyak 7,767 geran telah didaftarkan meliputi 7,279 (93.7%) geran anak negeri *Native Title* (NT)/*Field Register* (FR) dengan keluasan 85,187.3 ha (84.2%) dan 488 (6.3%) geran pajakan *Town Lease* (TL)/*Country Lease* (CL)/*Provisional Lease* (PL) dengan keluasan 15,981.2 ha (15.8%).
- JTU tidak menetapkan sasaran bilangan geran yang perlu didaftarkan pada setiap tahun. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat menilai pencapaian output kerana tiada indikator khusus untuk mengukur pencapaian output.

ii. Pencapaian Keberhasilan

- Bagi tahun 2020 hingga 2022, jumlah geran tanah yang didaftarkan adalah sebanyak 7,767 dengan keluasan 101,168.5 ha

- Lawatan fizikal pihak Audit terhadap 60 geran tanah pajakan berdaftar mendapati sebanyak 42 (70%) tanah dengan keluasan 1,053.2 ha telah dibangunkan dalam tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, tiga tanah di daerah Kudat dan Pitas tidak mematuhi syarat gunatanah yang diluluskan dalam geran.
- Sebanyak sembilan geran telah didaftarkan selepas tarikh pembangunan sepatutnya siap yang ditetapkan dalam geran. Keadaan ini memberi kesan kepada pembangunan tanah kerana tidak boleh diusahakan sebelum geran tanah berdaftar dikeluarkan.

iii. Pengurusan Projek/Program

Kelemahan dalam pengurusan bagi pengauditan tersebut adalah seperti berikut:

- Norma masa bagi sesuatu tugas yang tidak ditetapkan dalam prosedur kerja standard menyebabkan tempoh masa pemprosesan pemberimilikan tanah tidak konsisten.
- Sistem tanah berkomputer tidak berintegrasi sepenuhnya untuk mengesan jejak, kronologi dan status permohonan tanah.

b. Pengurusan Program Mengurangkan Air Tidak Berhasil (NRW) Negeri Sabah [Peruntukan Diluluskan RM 110.10 juta]

Pengauditan dilaksanakan melibatkan Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) dan Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC). Pengauditan ini melaporkan aspek pencapaian output, pencapaian keberhasilan dan pengurusan program seperti berikut:

i. Pencapaian Output

- Lima projek yang diluluskan di bawah RMKe-11 Kerajaan Negeri Sabah melibatkan lima daerah telah disiapkan mengikut jadual asal.
- Tiga pakej projek NRECC belum siap pada tarikh siap asal projek. Setakat bulan Mei 2023, status pencapaian fizikal bagi projek Paket 1, Paket 2 dan Paket 3 adalah masing-masing 97.9%, 89.2% dan 90%. Status projek pada bulan Mei 2023 selepas kelulusan *Extension of Time* (EOT) bagi Paket 2 adalah mengikut jadual, manakala Paket 1 dan Paket 3 telah lewat jadual masing-masing 0.5% dan 9%.

ii. Pencapaian Keberhasilan

- Pencapaian keberhasilan Program Mengurangkan NRW negeri Sabah untuk mengurangkan kadar NRW kepada sasaran 48% pada tahun 2020 tidak tercapai iaitu pada kadar 59.4%. Kadar NRW tahun 2021 dan 2022 juga tidak mencapai sasaran iaitu masing-masing 52% dan 50% iaitu pada kadar 52.5% dan 55%.

iii. Pengurusan Projek/Program

Kelemahan dalam pengurusan bagi pengauditan tersebut adalah seperti berikut:

- Lapan Loji Rawatan Air (LRA) yang dilawati tidak menggunakan meter pengeluaran tetapi membuat bacaan secara anggaran bagi merekodkan pengeluaran air terawat.
- Zon Kawasan Bermeter (DMZ) tidak dapat berfungsi untuk menghantar maklumat aliran dan tekanan air ke pusat data dan seterusnya pemantauan kebocoran dan tindakan pemberian tidak dapat dilaksanakan bagi mengurangkan NRW.

c. Pengurusan Perkhidmatan Pembetungan Awam di Negeri Sabah [19 Projek – RM702.87 juta]

Pengauditan dilaksanakan melibatkan Jabatan Perkhidmatan Pembetungan Sabah (JPP Sabah) dan Kementerian Kerja Raya Negeri Sabah (KKR Sabah). Pengauditan ini melaporkan aspek pencapaian output, pencapaian keberhasilan dan pengurusan program seperti berikut:

i. Pencapaian Output

- Prestasi projek pembinaan Loji Rawatan Kumbahan (LRK) awam adalah memuaskan kerana tiga projek berjaya disiapkan dengan kelulusan EOT dan LRK telah berfungsi sepenuhnya. Bagaimanapun, satu projek iaitu Skim Pembetungan Beaufort gagal disiapkan walaupun telah melepassi tempoh EOT yang diluluskan.

ii. Pencapaian Keberhasilan

- LRK yang telah siap dibina telah berfungsi bagi merawat sisa kumbahan yang mematuhi kualiti pelepasan yang dibenarkan bagi memulihara sumber air. LRK Beaufort pula tidak dapat berfungsi bagi merawat sisa kumbahan kerana projek belum siap dibina.

iii. Pengurusan Projek/Program

Kelemahan dalam pengurusan bagi pengauditan tersebut adalah seperti berikut:

- Kadar caj, penalti dan kompaun yang belum dimuktamadkan menyebabkan hasil perkhidmatan pembetungan belum dapat dikutip oleh JPP Sabah.

1.2. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Sabah

a. Sabah Air Aviation Sdn. Bhd. (SAASB) [Modal Berbayar: RM56 juta]

Rumusan bagi perkara utama yang dilaporkan adalah seperti berikut:

- i. Objektif penubuhan syarikat bagi menyediakan perkhidmatan pengangkutan udara dengan menyewakan pesawat kepada agensi kerajaan, syarikat swasta dan individu tercapai.
- ii. Tadbir urus korporat syarikat secara keseluruhannya adalah memuaskan dengan mengamalkan lima daripada sembilan aspek amalan tadbir urus korporat.
- iii. Pengurusan aktiviti adalah seperti berikut:
 - Aktiviti pemasaran hanya tertumpu kepada pelanggan sedia ada
 - Tindakan undang-undang tidak diambil terhadap pelanggan yang mempunyai tempoh tunggakan melebihi 120 hari berjumlah RM382,527
- iv. Kedudukan kewangan SAASB adalah stabil.

b. Borneo Samudera Sdn. Bhd. (BSSB) [Modal Berbayar: RM50 juta)

Rumusan bagi perkara utama yang dilaporkan adalah seperti berikut:

- i. Objektif penubuhan syarikat dalam membangunkan tanahnya serta menjalankan perniagaan penanam, petani, peladang dan peniaga telah tercapai.
 - ii. Tadbir urus korporat secara keseluruhannya adalah baik dengan mengamalkan 7 daripada 9 aspek amalan tadbir urus korporat.
 - iii. Pengurusan aktiviti adalah seperti berikut:
 - Tindakan pelupusan belum diambil bagi 20 unit kenderaan/jentera ladang.
 - Stor penyimpanan stok baja telah dimasuki air banjir dan sebahagian stok baja telah basah.
 - Tunggakan hutang daripada syarikat induk dan syarikat berkaitan berjumlah RM1.072 billion menunjukkan peningkatan pada tahun 2021 berbanding tahun 2019.
 - iv. Kedudukan kewangan BSSB adalah kukuh dengan merekodkan keuntungan terkumpul berjumlah RM1.60 bilion setakat 31 Disember 2021.
2. Sebanyak 17 syor Audit telah dikemukakan kepada jabatan, syarikat kerajaan dan pihak yang berkepentingan untuk diambil tindakan bagi penambahbaikan perkara yang dilaporkan.